



#SPMSureSkor Workshop Bahasa Melayu



Scan to join more INTI #SPMSureSkor Sessions.

INTI Education Counselling Centre Johor
No. 25, 25-01, Jalan Austin Heights 8/1, Taman Austin Heights,
81100 Johor Bahru, Johor
Tel. No.: 07 - 364 7537

CERAMAH TEKNIK BELAJAR BAHASA MELAYU SPM 2021 (SPM 国语讲座)

KERTAS 1**KARANGAN BAHAGIAN A****Karangan Respons Terhadap (30 Markah)**

- 写四或五段
- 写 150 – 200 个字 (不可以超过 200 个字)
- 时间建议: 30 分钟
- 必须提及所给的资料 (通常给 2 或 3 个资料)
 - i) Gambar rajah / Gambar ilustrasi
 - ii) Petikan akhbar / Petikan umum
 - iii) Dialog
 - iv) E-mel
 - v) Iklan
- 题目可能会有各式 (format):
 - i) E-mel
 - ii) Surat Rasmi / Tidak Rasmi
 - iii) Resume
 - iv) Rencana
 - v) Syarahan / Ceramah / Wawancara

Bilangan Perkataan Berdasarkan Jumlah Isi yang Ditulis

Bilangan Isi	Pendahuluan	Isi	Penutup
DUA ISI	40	60	40
TIGA ISI	35	45	30

BAHAGIAN B:**Karangan Respons Terbuka (70 Markah)**

- 写五或六段
- 写 350 – 500 个字
- 时间建议: 1 小时 30 分钟
- 四题选一题

出题方式

- Domain Peribadi
- Domain Awam
- Domain Pendidikan
- Domain Kerjaya

还没做答之前，考生须：

- 了解每题问题, 然后
- 选最有把握的题目，
- 分析问题的需要，
- 想问题的重点，之后才
- 写有关的作文。

Bilangan Perkataan Berdasarkan Jumlah Isi yang Ditulis

Bilangan Isi	Pendahuluan	Isi	Penutup
TIGA ISI	80	110	80
EMPAT ISI	70	90	70

1	Kesihatan dan Kebersihan	10	Pelancongan
2	Keselamatan	11	Sejarah dan Warisan
3	Perpaduan	12	Sukan dan Rekreasi
4	Kebudayaan, Kesenian & Estetika	13	Perindustrian
5	Jati Diri, Patriotisme & Kewarganegaraan	14	Pendidikan
6	Sains, Teknologi & Inovasi	15	Bahasa dan Kesusteraan
7	Alam Sekitar & Teknologi Hijau	16	Kerjaya
8	Pertanian, Penternakan & Perikanan	17	Integriti
9	Ekonomi, Keusahawanan & Pengurusan Kewangan	18	Pentadbiran dan Politik

CARA MENULIS AYAT DALAM PENDAHULUAN KARANGAN

Ayat 1 ISU SEMASA	Tentang tema
Ayat 2 AYAT HURAIAN	Mengapa
Ayat 3 AYAT HURAIAN	Contoh yang sesuai
Ayat 4 AYAT HURAIAN	Akibat daripada perkara yang berlaku
Ayat 5 AYAT ARAHAN SOALAN	Tugasan Soalan

Bil Ayat	Contoh Ayat
A1 ISU SEMASA	Memang tidak dapat dinafikan bahawa / Pada era modenisasi ini / dewasa ini,(tema)..... merupakan salah satu isu yang sering mendapat perhatian pelbagai pihak.
A2 HURAIAN ISU / CONTOH	Isu(tema)..... ini sering dipaparkan dalam media masa seperti akhbar dan televisyen di negara kita.
A3 ARAHAN SOALAN	<p>Persoalannya, apakah arahan soalan?</p> <p>Oleh itu, langkah-langkah/ sebab-sebab/ kesan-kesan / punca-punca(tema)..... akan dibincangkan untuk kepentingan bersama.</p> <p>Oleh itu,tugasan..... yang mewarnai fokus perbincangan akan dikupas untuk kepentingan bersama</p> <p>Jika diperhalusi, terdapat banyakarahan soalan.....</p>

MENULIS / MENGOLAH DAN MENGEMBANGKAN FAKTA DALAM KARANGAN

FORMULA / RUMUS PENGEMBANGAN ISI

Ayat 1 AYAT TOPIK	Apa - Menyatakan Idea Utama
Ayat 2 AYAT HURAIAN	Mengapa
Ayat 3 AYAT HURAIAN	Bagaimana
Ayat 4 AYAT HURAIAN	Contoh yang berkaitan dengan isi
Ayat 5 AYAT HURAIAN	Kesan
Ayat 6 AYAT PENEGAS	Menyimpul dan menegaskan isi.

CARA MENULIS AYAT DALAM PERENGGAN ISI

Bil Ayat	Contoh Ayat
A1 (Apa) Nyatakan Isi	Lontaran idea pertama/kedua/ketiga, Sebagaimana yang kita maklumi, Umum mengetahui bahawa langkah-langkah/ punca-punca/ kesan-kesan (tema) ialah (isi)
A2 (Mengapa)	Hal ini dikatakan demikikian kerana
A3 (Bagaimana)	Dalam hal ini,
A4 (Contoh / Kesan)	Sebagai contoh, Dengan demikian / Secara tidak langsung
A5 (Rumusan / Penegasan isi)	Oleh itu, jelaslah bahawa (isi) merupakan (tema) Sudah terang lagi bersuluh bahawa (isi) merupakan (tema)

BINAAN HURAIAN ISI			
	JENIS AYAT	BINAAN AYAT	JUMLAH PERKATAAN
A1	Ayat Apa	Umum mengetahui bahawa punca utama pencemaran sungai di negara ini ialah pembuangan sampah sarap.	13 p.p
A2	Ayat Mengapa	Hal ini dikatakan demikian kerana sesetengah masyarakat yang tidak bertanggungjawab menganggap sungai sebagai tong sampah.	15 p.p
A3	Ayat Bagaimana	Dalam hal ini, sungai akan menjadi kotor dengan pelbagai jenis sampah.	11 p.p
A4	Ayat Contoh	Sampah yang terdapat di dalam sungai seperti plastik, tayar dan sisa makanan.	11 p.p
A5	Ayat Kesan	Secara tidak langsung, air sungai berbau busuk dan tercemar.	9 p.p
A6	Ayat Penegas	Oleh itu, jelaslah bahawa pembuangan sampah sarap merupakan antara punca pencemaran sungai di negara ini.	14 p.p
			73 p.p

MENULIS PERENGGAN PENUTUP

CARA MENULIS AYAT DALAM PERENGGAN PENUTUP

Bil Ayat	Contoh Ayat
A1 (Buat kesimpulan tugas)	Intihanya, / Konklusinya, Tuntasnya, Sebagai kesimpulannya, Sebagai menggulung segala yang telah diperkatakan di atas, terdapat banyak (tema)
A2 (Ayat cadangan)	Oleh hal yang demikian, semua pihak hendaklah berganding bahu bagai aur dengan tebing dalam Oleh hal yang demikian, semua pihak hendaklah menyokong usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk
A3 (Ayat harapan)	Dengan ini diharapkan Secara tidak langsung, sesuatu yang diharapkan akan dapat dicapai dan memberikan kesan yang positif kepada kesejahteraan masyarakat dan negara kita.

Teknik Perenggan Cadangan : Usaha-usaha mengatasi gejala vandalisme.

BINAAN PENUTUP / KESIMPULAN			
	JENIS AYAT	BINAAN AYAT	JUMLAH PERKATAAN
A1	Ayat Rumusan	<i>Tuntasnya</i> , gejala vandalisme perlu ditangani segera oleh pihak berkuasa daripada terus berleluasa.	12 p.p
A2	Ayat Cadangan	Oleh itu, satu jawatankuasa hendaklah ditubuhkan bagi membanteras gejala tersebut	10 p.p
A3	Ayat Harapan	Kerjasama yang bersepadu dan berterusan penting agar imej negara tidak terus tercalar di mata pelancong-pelancong asing.	15 p.p
			37 p.p

Teknik Perenggan Ramalan : Usaha-usaha mempopularkan permainan tradisional

BINAAN PENUTUP / KESIMPULAN			
	JENIS AYAT	BINAAN AYAT	JUMLAH PERKATAAN
A1	RMLN 1	<i>Intihanya</i> , sekiranya kita tidak berusaha bersungguh-sungguh , berkemungkinan permainan tradisional akan pupus ditelan arus kemonenan.	14 p.p
A2	RMLN 2	Jikalau keadaan ini terjadi , maka generasi muda akan datang tidak lagi mengenali sekali gus mengetahui cara bermain sesuatu permainan tradisional.	20 p.p
A3	RMLN 3	Apabila keadaan yang malang ini terjadi , segala-galanya sudah terlewat dan mungkin kita tidak akan mampu untuk menyelamatkan khazanah budaya yang sepatutnya dijaga dan diwarisi dari satu generasi ke satu generasi.	29 p.p
			63 p.p

BINAAN PENUTUP / KESIMPULAN			
	JENIS AYAT	BINAAN AYAT	JUMLAH PERKATAAN
A1	RUMUSAN	<i>Konklusinya</i> , Malaysia memerlukan generasi yang berkaliber, berwibawa dan berintelekt selari dengan modal insan yang memiliki minda kelas pertama seperti yang diuar-uarkan oleh Perdana Menteri kita.	24 p.p
A2	CADANGAN	Oleh itu, pandangan negatif sesetengah pihak bahawa kegiatan kokurikulum tidak membawa kebaikan dan hanya membuang masa haruslah dikikis segera.	19 p.p
A3	HARAPAN	Perkara yang pasti ialah semua pihak yang telah diamanahkan perlu berganding bahu dan menggembelng tenaga bagi menjayakan cita-cita murni ini.	19 p.p
A4	PENDIRIAN	Sesungguhnya, amalan peribahasa <i>sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada berguna</i> haruslah dihayati dan direnungi terutama oleh pelajar untuk menghadapi kehidupan yang semakin mencabar.	17 p.p
			79 p.p

PENGGUNAAN PENANDA WACANA DALAM PENULISAN KARANGAN

<p><u>Penanda Wacana Pendahuluan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Dewasa ini 2. Saban hari 3. Dasawarsa ini 4. Umum mengetahui bahawa 5. Sejak sedekad yang lalu 6. Dalam era globalisasi ini 7. Pada era langit terbuka ini 8. Dalam mendepani zaman modenisasi kini 	<p><u>Penanda Wacana Isi Utama</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pada hemat saya, 2. Dalam pada itu, 3. Sementelahan itu, antara 4. Melihat kepada aspek yang berbeza, 5. Beralih kepada perspektif seterusnya, 6. Lontaran idea yang seterusnya, 7. Jika ditinjau dari sudut yang lain pula, 8. Jika dilihat dari perspektif yang lain,
<p><u>Penanda Wacana Ayat Huraian</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Hal ini dikatakan demikian kerana 2. Hal ini berlaku kerana 3. Hal ini terjadi kerana 4. Hal ini disebabkan oleh 5. Hal ini wujud akibat daripada 6. Hal ini bersangkut-paut dengan 7. Hal ini berpunca daripada 8. Hal ini tercetus apabila 9. Tindakan tersebut perlu dilakukan supaya 	<p><u>Penanda Wacana Ayat Contoh</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Sebagai contoh, 2. Tamsilnya, 3. Misalnya, 4. Umpamanya, 5. Biar kita ambil contoh, 6. Mari kita ambil contoh, 7. Contoh yang dapat kita lihat ialah 8. Perkara yang dimaksudkan ialah 9. Hal ini dapat diibaratkan sebagai
<p><u>Penanda Wacana Ayat Penegasan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Jelaslah bahawa 2. Izharlah bahawa 3. Oleh hal yang demikian 4. Sudah terang lagi bersuluh ... 5. Ironinya, tidak dapat dinafikan bahawa 6. Justeru, kita dapat simpulkan bahawa 	<p><u>Penanda Wacana Ayat Kesimpulan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Intihanya, 2. Konklusinya, 3. Tuntasnya, 4. Sebagai penutup wacana, 5. Sebagai penghias bicara, 6. Sebagai melabuh tirai perbincangan,
<p><u>Penanda Wacana Ayat Peribahasa</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bak kata pepatah melayu 2. Bak kata mutiara 3. Bak kata cendekiawan 4. Bak kata pujangga 5. Persis peribahasa 6. Persis kata orang tua-tua 7. Benarlah kata orang tua-tua 8. Orang tua-tua ada mengatakan bahawa 9. Hal ini sama dengan peribahasa 10. Pepatah Melayu ada mengatakan bahawa 11. Pujangga Melayu ada menyebut 12. Bijak pandai dahulu ada menyebut 13. Senario ini sama dengan peribahasa Melayu iaitu 	

Gambar dan maklumat di bawah berkaitan dengan langkah-langkah untuk menangani masalah kenaikan harga barang.

Huraikan pendapat anda tentang **langkah-langkah** untuk menangani masalah kenaikan harga **barang**.

Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

<p>Indah nian pemandangan dunia, Dari timur hingga ke selatan; Sikap berjimat amalan mulia, Orang boros sahabat syaitan.</p> <p>Sungguh pahit buah peria, Dimakan juga dibuat sayuran; Membesar belanja sikap sesia, Hanya menambah beban kewangan.</p> <p style="text-align: right;">Sumber: Internet</p>	<p>Rakyat harus menggunakan kuasa pengguna dengan memboikot peniaga yang menaikkan harga barang. Sebagai pengguna, kita harus menggunakan kuasa pengguna dengan membeli barang-barang yang harganya berpatutan sahaja. Jangan biarkan peniaga yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan.</p> <p style="text-align: right;">Sumber: Internet</p>
--	--



HARGA BARANG NAIK

PENDAHULUAN -----45 (isu / pendapat /huraian / penegasan)

A1	Belakangan ini, isu kenaikan harga barang menjadi <i>buah mulut</i> dalam kalangan masyarakat di negara kita.
A2	Keadaan ini mengakibatkan beban rakyat terus meningkat bagi meneruskan rutian harian.
A3	Kenaikan harga barang keperluan harian sudah pasti memberikan kesan kepada golongan berpendapat rendah.
A4	Oleh itu, pelbagai langkah perlu kita ambil untuk menangani masalah ini.

ISI 1 - mempraktikkan amalan berjimat cermat

A1	Antara langkah untuk menangani masalah kenaikan harga barang ialah kita perlu mempraktikkan amalan berjimat cermat.
A2	Kita perlu belanja secara berhemat apabila kita ingin membeli sesuatu.
A3	Kita patut merancang pembelian sesuatu barangan sebelum membuat keputusan untuk membeli barangan tersebut.
A4	Utamakan barangan keperluan seperti makanan dan pakaian berbanding dengan barangan hendak seperti kereta dan jam tangan.

ISI 2 - memboikot peniaga yang menaikkan harga barangan

A1	Lontaran idea seterusnya, para pengguna wajarlah memboikot peniaga yang sengaja menaikkan harga barangan.
A2	Ada dalam kalangan peniaga yang menaikkan harga barangan sesuka hati untuk mendapatkan keuntungan yang lumayan.
A3	Pengguna perlu bertinjak bijak dengan membuat perbandingan harga barangan dengan kedai lain.
A4	Impaknya, peniaga yang tamak akan mengalami kerugian kerana tiada pelanggan membeli barang di kedai mereka.

KESIMPULAN ---- 45 (pendapat ---- cadangan ----- harapan)

A1	Tuntasnya, kita seharusnya berbelanja dengan <i>mengukur baju di badan sendiri</i> .
A2	Kenaikan harga barang yang tidak terkawal akan membebankan banyak pihak. Oleh itu, semua pihak haruslah bekerjasama <i>bagai aur dengan tebing</i> untuk menangani masalah kenaikan harga barang ini.
A3	Diharap para pengguna dapat menikmati rutin kehidupan dengan bahagia.

CONTOH KARANGAN RESPONS TERBUKA : DOMAIN AWAM

“Saya berpendapat bahawa dengan adanya semangat patriotisme dalam diri murid secara tidak langsung dapat menanam sikap cinta akan negara. Katanya, antara aktiviti yang boleh diadakan dan dapat memupuk semangat patriotisme ialah pameran dan tayangan filem berkenaan peristiwa tuntutan kemerdekaan negara kita. Murid-murid yang mempunyai semangat patriotisme ini pasti akan mempertahankan negara daripada ancaman musuh.”

Sumber: *Harian Metro*, 03 September 2018

Sebagai respons terhadap kandungan ucapan di atas, peranan pelbagai pihak amat penting bagi memupuk semangat patriotisme dalam diri.

Jelaskan peranan-peranan tersebut

PENDAHULUAN

(A1) Setiap negara memerlukan rakyat yang mempunyai semangat patriotisme yang tinggi. (A2) Hal ini dikatakan sedemikian kerana semangat patriotisme dalam diri setiap rakyat akan menjamin kemerdekaan sesebuah negara berkekalan dan menangkis pelbagai ancaman musuh. (A3) Misalnya, peristiwa pencerobohan di negeri Sabah, dengan semangat patriotisme yang tinggi dalam kalangan anggota keselamatan negara dan penduduk di sana, kita berjaya mengusir pemberontak tersebut. (A4) Hal ini jelas menunjukkan betapa pentingnya semangat patriotisme bagi sesebuah negara yang merdeka. (A5) Dalam konteks ini, peranan pelbagai pihak perlu digembleng untuk memupuk semangat patriotisme dalam diri setiap warga Malaysia. **(84 pp)**

ISI 1

(A1) Pendekatan yang pertama, **sambutan Hari Kebangsaan di peringkat sekolah** selain peringkat daerah, negeri dan kebangsaan dapat memupuk semangat patriotisme dalam diri setiap rakyat Malaysia terutama murid-murid sekolah. (A2) Peranan pihak sekolah amat penting kerana semua murid akan terlibat dalam sambutan tersebut sama ada secara langsung atau tidak langsung. (A3) Sambutan ini boleh dilaksanakan bagi tempoh masa yang panjang iaitu selama satu bulan supaya pelbagai aktiviti dapat dilaksanakan. (A4) Sebagai contohnya, aktiviti deklamasi sajak, penulisan esei kemerdekaan dan pidato kemerdekaan sepanjang bulan tersebut. (A5) Natijahnya, murid-murid akan mempunyai semangat patriotisme yang kukuh sejak bangku sekolah lagi. (A6) Oleh itu, sambutan Hari Kebangsaan di peringkat sekolah merupakan salah satu kaedah untuk memupuk semangat patriotisme dalam diri murid-murid. **(106 pp)**

ISI 2

(A1) Dilihat dari perspektif berbeza, **cerita atau filem yang berkaitan dengan patriotisme perlu kerap ditayangkan** terutama dalam bulan kemerdekaan iaitu bulan Ogos hingga September. (A2) Hal ini dikatakan demikian kerana kaedah tersebut mampu meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan penonton yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. (A3) Pihak media boleh menyiarkan rancangan bertemakan sejarah atau perjuangan kemerdekaan di samping menemu bual tokoh-tokoh negara yang menyumbang jasa kepada negara. (A4) Tamsilnya, tayangan filem ‘Bukit Kepong’, ‘Leftenan Adnan’ dan dokumentari tokoh negarawan. (A5) Situasi sedemikian membolehkan penonton mendapat input serta maklumat berkaitan perjuangan kemerdekaan negara dan menghayatinya. (A6) Izharnya, semangat patriotisme dapat disuburkan melalui peranan media massa dengan menyiarkan filem atau cerita berkaitan patriotisme secara lebih kerap. **(102 pp)**

ISI 3

(A1) Antara peranan lain yang boleh dilaksanakan ialah **pihak sekolah boleh mengadakan lawatan ke tempat-tempat bersejarah**. (A2) Hal ini dikatakan sebegitu lantaran negara kita sememangnya mempunyai banyak tempat bersejarah tinggalan penjajah mahupun zaman feudalisme. (A3) Matlamat ini boleh dicapai dengan cara guru-guru perlu mengadakan lawatan pada cuti sekolah atau cuti hujung minggu ke tempat bersejarah untuk memberikan pengalaman baharu kepada murid-murid. (A4) Sebagai contoh, lawatan ke Melaka Bandaraya Bersejarah, Kuala Lumpur atau Kuala Kangsar kerana terdapat banyak monumen dan artifak tinggalan penjajah di sekitar lokasinya. (A5) Impaknya, murid-murid dapat melihat kesan tinggalan sejarah dengan mata mereka sendiri sekali gus menghargai sejarah warisan bangsa. (A6) ***Sudah terang lagi bersuluh*** bahawa, lawatan ke tempat bersejarah juga menjadi pencetus semangat patriotisme dalam diri generasi muda. **(105 pp)**

KESIMPULAN

(A1) Secara intihanya, perkara yang dapat dirumuskan ialah pengukuhan semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat kita perlu sentiasa diterapkan. (A2) Sehubungan dengan itu, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing bagi memastikan perkara ini dapat dijayakan. (A3) Harapan semua pihak agar Malaysia menjadi sebuah negara yang terus berdaulat dan harmoni kesan daripada semangat cinta akan tanah air yang tinggi. (A4) Oleh itu, bukan sahaja keamanan yang akan kita kecapai malahan perpaduan kaum akan menjadi lebih erat di negara kita. (A5) Akhirulkalam, tidak mustahil jika suatu hari nanti negara Malaysia menjadi sebuah negara maju di samping semangat patriotisme yang utuh ibarat ***serumpun bak serai sesusun bak sirih***. **(91 pp)**

488 patah perkataan

常用的 PERIBAHASA / KATA-KATA HIKMAT

1. Melentur buluh biarlah dari rebungnya 教育孩子从小开始
2. Bagaimana acuan begitulah kuihnya 有其父必有其子
3. Bagai menatang minyak yang penuh 无微不至的照顾
4. Genggam bara api biarlah sampai jadi arang 做事直到成功为止
5. Bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing 自扫门前雪
6. Bagai aur dengan tebing 守望相助
7. Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh 团结就是力量
8. Bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat 要合作才有收获
9. Sambil menyelam minum air 一举两得
10. Tak kenal maka tak cinta 不打不相识
11. Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih 有志者事竟成
12. Usaha tangga kejayaan 努力是成功的阶梯
13. Kalau tiada angin, masakan pokok bergoyang 无风不起浪
14. Bumi mana tidak ditimpa hujan 孰能无过
15. Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna 三思而后行，以免后悔莫及
16. Sudah terhantuk baru tengadah 事情发生了才觉悟
17. Nasi sudah menjadi bubur 生米煮成熟饭
18. Biar putih tulang, jangan putih mata 宁死不屈
19. Bagai melepaskan batuk di tangga 做事不认真
20. Mencegah lebih baik daripada mengubatinya 预防胜于治疗

KERTAS 2

共有三个部分 – 100 Markah

BAHAGIAN A – SISTEM DAN APLIKASI BAHASA (35 Markah)

Soalan	Item
1	Morfologi
2	Sintaksis
3	Penyuntingan
4	Bahasa Melayu Standard
5	Peribahasa

BAHAGIAN B – PEMAHAMAN (35 Markah)

Soalan	Item
6	Petikan Umum
7	Petikan Sastera
8	Novel

BAHAGIAN C – RUMUSAN (30 Markah)

Soalan	Item
9	Rumusan

SOALAN 1 – MORFOLOGI

Kata Tunggal	Golongan Kata Nama
Kata Majmuk	Golongan Kata Kerja
Kata Terbitan	Golongan Kata Adjektif
Kata Ganda	Golongan Kata Tugas
Akronim	Golongan Kata

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata kerja transitif dan dua kata adjektif**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Sudah dua hari kita memasuki tahun baharu 2021. Tiada sesiapa yang membayangkan bahawa tahun 2020 akan menjadi tahun paling sunyi dalam sejarah dunia moden. Ketika ini, pelbagai negara masih bergelut untuk mencari formula terbaik bagi mengekang penularan pandemik COVID-19. Sememangnya pandemik ini banyak membawa kesan buruk kepada kita. Kita tidak perlu melihat statistik untuk mengetahui kesan-kesan pandemik ini. Perhatikan orang di sekeliling kita. Berapa banyak ahli keluarga, rakan, atau kenalan kita yang sudah hilang mata pencarian akibat pandemik ini? Ada antara mereka yang terpaksa kembali ke tanah air selepas majikan mula membuang pekerja asing. Seorang rakan penulis terpaksa melupakan gaji lumayan dan pulang ke Malaysia selepas *Singapore Airlines* membuang pekerjanya. Seorang kenalan penulis pula masih menunggu masa untuk pulang ke Jerman selepas hampir sembilan bulan ‘terkandas’ di Malaysia.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Tahun Dunia Berkurung’
oleh Syah Rul Aswari Abdullah
Harian Metro, 2 Januari 2021

[8 markah]

Kata kerja transitif

- (i) memasuki
- (ii) mengekang

Kata adjektif

- (i) sunyi
- (ii) moden

Ayat daripada kata kerja transitiif

- (i) Fatimah **memasuki** bilik mesyuarat setelah diarahkan oleh Encik Kamal.
- (ii) Pihak berkuasa telah mengambil pelbagai langkah untuk **mengekang** kemasukan pendatang asing tanpa izin ke negara ini.

Ayat daripada kata adjektif

- (i) Suasana di Kampung Seri Malim **sunyi** menjelang tengah malam.
- (ii) Pada zaman **moden** ini, amalan gotong-royong dalam kalangan masyarakat terutamanya mereka yang tinggal di Bandar semakin terhakis.

LATIHAN

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata nama terbitan** dan **dua kata bantu**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Masalah jerebu yang melanda negara belum menunjukkan sebarang tanda akan berakhir. Jerebu biasanya berpunca daripada aktiviti manusia seperti pembakaran terbuka, pembakaran hutan, dan pelepasan asap kenderaan. Jerebu dapat menjejaskan kesihatan kita. Dalam jangka masa pendek, mata, hidung, dan tekak kita akan mengalami kerengsaan akibat jerebu. Kita berisiko dijangkiti penyakit jantung dan paru-paru juga apabila terdedah kepada jerebu. Dalam jangka masa panjang, saluran darah kita akan terjejas sehingga kita mudah dijangkiti penyakit kardiovaskular. Golongan yang lemah seperti bayi lebih berisiko mendapat penyakit akibat jerebu. Sistem pemapasan bayi terutamanya yang baru lahir sangat sensitif terhadap udara yang tercemar. Oleh itu, bayi akan menghidap penyakit asma atau bronkitis jika saluran pernafasan mereka terganggu.

Sumber: Internet

[8 markah]

Kata nama terbitan

- (i)
- (ii)

Kata bantu

- (i)
- (ii)

Ayat daripada kata nama terbitan

- (i)
- (ii)

Ayat daripada kata bantu

- (i)
- (ii)

SOALAN 2 – SINTAKSIS

Subjek dan Predikat	Membina Ayat Tanya
Pola Ayat	Menyambungkan dan Mengasingkan Ayat
Ayat Biasa dan Ayat Songsang	Jenis-jenis Ayat
Ayat Aktif dan Ayat Pasif	Cakap Ajuk dan Cakap Pindah

Berdasarkan petikan di bawah, **bina enam ayat tanya** yang lengkap dengan menggunakan kata tanya yang betul. Kata tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan frasa yang berhuruf condong.

Aktiviti gotong-royong biasanya diadakan *di kawasan kediaman* pada hari cuti umum. Aktiviti gotong-royong ini dianjurkan oleh *persatuan penduduk di kawasan kediaman tersebut*. Semua penduduk tanpa mengira bangsa dan usia digalakkan untuk menyertai aktiviti gotong-royong ini. Aktiviti ini dapat mengeratkan hubungan dalam kalangan masyarakat kerana *sepanjang aktiviti ini diadakan, mereka akan beramah mesra dan berkongsi pelbagai cerita*. Selain itu, aktiviti ini juga dapat menyemaikan semangat cinta akan kebersihan dalam kalangan penduduk. Lantaran itu, mereka akan bersama-sama menjaga kebersihan kawasan kediaman. Kebersihan kawasan kediaman amat penting kerana *dapat mewujudkan suasana yang selesa dan selamat*.

[6 markah]

JAWAPAN

- (i) Di manakah aktiviti gotong-royong biasanya diadakan?
- (ii) Bilakah aktiviti gotong-royong diadakan?
- (iii) Siapakah yang menganjurkan aktiviti gotong-royong di kawasan kediaman?
- (iv) Siapakah yang digalakkan untuk menyertai aktiviti gotong-royong?
- (v) Mengapakah aktiviti ini dapat mengeratkan hubungan dalam kalangan masyarakat?
- (vi) Mengapakah kebersihan kawasan kediaman amat penting?

LATIHAN

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Tukarkan **ayat bersusunan biasa** yang bergaris kepada **ayat bersusunan songsang** tanpa mengubah maksud asalnya.

Jawatan pemimpin amat penting. Pemimpinlah yang bertanggungjawab mengawal, mengurus, mentadbir, merancang, membuat keputusan, dan menjadi contoh kepada orang bawahannya. Oleh itu, jawatan pemimpin hanya layak disandang oleh orang yang benar-benar amanah. Seseorang pemimpin perlulah mempunyai kekuatan, kemampuan, kemahiran, dan kesabaran yang tinggi. Pemimpin yang baik akan sentiasa mengasahi dan mengambil berat soal kebajikan orang yang dipimpinya. Pemimpin perlulah sentiasa mengutamakan kepentingan rakyat. Setiap pemimpin mestilah mempunyai visi dan misi untuk kepentingan semua pihak. Pemimpin yang baik tidak sekadar melaungkan slogan retorik. Pemimpin perlulah memahami kesan bagi segala yang diucapkannya.

Sumber: Internet

[6 markah]

SOALAN 3 – PENYUNTINGAN

Kesalahan Ejaan	Kesalahan Tatabahasa
Kesalahan Imbuan	Kesalahan Kata / Istilah

Dalam petikan 1, terdapat **enam kesalahan bahasa** manakala petikan 2 terdapat **lima kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Petikan 1

Sekumpulan remaja sedang membincangkan tentang langkah-langkah untuk memutik semangat cinta akan negara dalam kalangan remaja. Mereka telah berbual-bual dengan berapa orang remaja lain tentang cara-cara untuk menunjukkan perasaan cinta akan negara. Kebanyakan remaja tersebut menjelaskan yang mereka amat menghargai kemerdekaan yang dijulung sejak sekian lama. Lantaran itu, mereka menyedari kepentingan semangat cinta akan negara di dalam diri mereka.

[6 markah]

SALAH	BETUL
membincangkan tentang langkah-langkah	membincangkan langkah-langkah
memutik	memupuk
berapa	beberapa
yang	bahawa
di dalam	dalam

Petikan 2

Pasukan bomba sedang mengawal api dari merebak dan memusnahkan sederetan rumah-rumah di sebuah kawasan setingan. Sebaik-baik menerima panggilan kecemasan, mereka bergegas ke tempat kejadian. Mereka berusaha untuk mengawal api yang sedang mara. Pegawai bomba yang mengetahui operasi itu memaklumkan bahawa jumlah kerugian yang pemilik-pemilik rumah alami masih belum ditafsirkan lagi.

[5 markah]

SALAH	BETUL
dari	daripada
sederetan rumah-rumah	sederetan rumah
mara	marak
yang pemilik-pemilik rumah alami	yang dialami oleh pemilik-pemilik rumah
ditafsirkan	ditaksirkan

LATIHAN

Petikan di bawah ini mengandungi **sembilan kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Setiap individu yang membeli barang secara dalam talian perlu berhati-hati dan diambil langkah berjaga-jaga. Pembeli dinasihatkan supaya membuat kajian tentang barang yang hendak dibeli termasuklah maklumat prodak, butiran peniaga, testimoni, dan cara pembayaran dilakukan. Transaksi pembelian hanya boleh dilakukan bila bakal pembeli sudah yakin dan berpuas hati. Peniaga hendaklah mengamalkan sendiri kawalan ketika berniaga secara dalam talian juga. Mereka perlu sedar dan patuh kepada undang-undang perniagaan secara dalam talian di Malaysia. Semakan terhadap barangan yang ingin diniagakan boleh dilakukan lebih dahulu dengan agensi yang berkaitan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Fenomena Pembelian Secara dalam Talian'
Dewan Siswa, Bil 3/2018

[9 markah]

SALAH	BETUL

SOALAN 4 – BAHASA MELAYU STANDARD

Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Hatta maka hari pun malam. Maka Kertala Sari pun masuk mencuri pula sebuah rumah saudagar yang lain. Setelah sudah banyaklah ia beroleh harta, maka ia pun kembali pada tempatnya pula. Dengan demikian habislah segala harta saudagar yang kaya-kaya itu dicurinya. Maka segala saudagar dan orang kaya-kaya itu pun masuk menghadap raja berdatang sembah, "Ya tuanku, patik mohonkan ampun, adapun patik sekalian ini habis kecurian tinggal sehelai sepinggang."

Dipetik daripada
Kepimpinan Melalui Teladan,
Dalam antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

JAWAPAN

Hari pun menjelang malam. Kertala Sari pun masuk dan mencuri pula di sebuah rumah saudagar yang lain. Setelah Kertala Sari memperoleh harta yang banyak, dia pun kembali ke tempatnya semula. Oleh itu, habislah harta saudagar yang kaya-kaya dicurinya. Semua saudagar dan orang-orang kaya pun masuk menghadap raja sambil bersembah, “Ya tuanku, patik mohon ampun, harta patik sekalian habis kecurian tinggal sehelai sepinggang.”

Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Adapun akan Tun Kudu itu diperisteri Duli Yang Dipertuan, terlalu baik rupanya, tetapi matanya juling sedikit. Telah baginda mendengar sembah Seri Nara Diraja demikian, maka dengan sesaat itu juga ditalak baginda, dihantarkan ke rumah Paduka Raja, diberi belanja, disuruh berhadir akan kahwin dengan Seri Nara Diraja.

Maka kata segala anak buah Seri Nara Diraja, “Bagaimana maka datuk hendak beristeri muda, kerana datuk sudah tua, dan bulu mata dengan buku kening sudah bertemu?”

Dipetik daripada
Burung Terbang Dipipiskan Lada,
Dalam antologi Sejadah Rindu,
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 markah]

JAWAPAN

Adapun Tun Kudu itu diperisteri Duli Yang Dipertuan, rupa parasnya terlalu baik, tetapi matanya juling sedikit. Sebaik sahaja baginda mendengar sembah Seri Nara Diraja tersebut, maka dengan segeranya diceraikan oleh baginda, dihantarkan ke Tun Kudu ke rumah Paduka Raja, diberi belanja, ditatahkan berkahwin dengan Seri Nara Diraja.

Kemudian kata semua anak buah Seri Nara Diraja, “Bagaimana datuk hendak beristeri muda, kerana datuk sudah, dan bulu mata dengan buku kening sudah bertemu?”

SOALAN 5 – PERIBAHASA

Isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai
Menyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan ayat yang diberi
Menyatakan peribahasa berdasarkan petikan atau dialog yang diberi
Menyatakan peribahasa lain yang sama maksud dengan peribahasa yang diberi
Membina ayat dengan peribahasa yang diberi
Menyatakan maksud peribahasa berdasarkan peribahasa yang diberi

Baca petikan di bawah dengan teliti, isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.

Pandemik COVID-19 yang melanda negara dan seluruh dunia membuka mata orang ramai agar berjimat cermat ketika berbelanja agar mereka tidak menghadapi masalah kewangan kerana (i) _____ . Dengan berpegang pada peribahasa (ii) _____ , mereka perlu membuat persiapan untuk menghadapi kehidupan yang lebih mencabar terutamanya dari segi kewangan. Selain bersikap bijak dalam pengurusan kewangan, masyarakat terutamanya ibu bapa perlu mendidik anak-anak agar menabung sejak kecil kerana (iii) _____ . Amalan menabung ini akan memberikan manfaat yang banyak jika dilakukan sejak kecil.

[6 markah]

JAWAPAN

- (i) ingat sebelum kena, jimat sebelum habis
- (ii) sediakan payung sebelum hujan
- (iii) melentur buluh biarlah dari rebungunya.

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan **tiga** peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.*

Farisha berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapat keputusan yang cemerlang. Hal ini dikatakan demikian kerana dia ingin membela nasib keluarganya yang miskin. Ibunya hanya mengambil upah membasuh pinggan di sebuah restoran, manakala bapanya lumpuh akibat kemalangan jalan raya dua tahun yang lalu. Dia tidak malu bertanya kepada guru-guru jika dia tidak memahami topik yang dipelajari. Dengan usaha Farisha yang gigih dan tidak putus asa, akhirnya Farisha telah mendapat keputusan yang cemerlang dalam SPM.

[6 markah]

JAWAPAN

- (i)
- (ii)
- (iii)

SOALAN 6: PETIKAN UMUM

(i)	berikan maksud
(ii)	soalan berdasarkan petikan
(iii)	soalan KBAT
(iv)	soalan penyelesaian masalah

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Penggunaan Internet dan komputer multimedia telah mencetuskan perpindahan teknologi dari zaman tradisional ke era digital yang begitu menakjubkan. Telefon era digital mampu melakukan perantaraan yang jauh melepasi dunia. Teknologi maklumat mempermudah komunikasi dua hala sesama manusia. Selain itu, kemajuan teknologi membolehkan pendidikan jarak jauh dilaksanakan. Para pelajar dapat mengikuti kursus di mana-mana institusi pengajian tinggi tempatan mahupun di luar negara secara maya.

Penggunaan Internet memperkenalkan perdagangan menerusi talian atau e-dagang. Potensi pasaran semakin meningkat dan lebih berbentuk global. Proses perniagaan seperti pesanan, penghantaran bil dan produk dapat dilaksanakan dengan cepatnya. Kini, pihak bank pula menawarkan perkhidmatan e-perbankan. Urusan melibatkan wang bernilai jutaan ringgit dan pengendalian rekod pelanggan dapat dilakukan dengan pantas dan terjamin.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kesan Teknologi Maklumat kepada Manusia'
Majalah Cahaya, Jun 2017

Bahan 2

Pada era siber ini ilmu berkembang tanpa sempadan. Sebarang maklumat dapat diperolehi dengan penggunaan Internet. Selain itu, melalui sidang video, seseorang dapat belajar terus daripada pensyarah walaupun mereka tidak bersua muka secara rasminya. Begitulah hebatnya teknologi maklumat. Inilah masanya kita memanfaatkan teknologi maklumat untuk menyebarkan ilmu dalam kalangan rakyat.

Teknologi maklumat adalah pemangkin pertumbuhan ekonomi negara. Penanda aras kepada *perkembangan drastik* ekonomi adalah dengan perkembangan urusan perdagangan dan perbankan. Urusan yang berkaitan dengan penyimpanan data, statistik dan urusan transaksi dapat dilakukan melalui komputer sahaja. Para pengeluar yang mengeluarkan produk baharu juga dapat menghebahkan produk mereka di laman web sendiri.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Manfaat Perkembangan Teknologi
Maklumat'
Dewan Siswa, Mei 2019

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *perkembangan drastik*. [2 markah]

Berdasarkan **Bahan 2**, maksud rangkai kata *perkembangan drastik* ialah peningkatan yang mendadak.

- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan **persamaan** dan **perbezaan** manfaat teknologi maklumat kepada manusia. [3 markah]

Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, **persamaan** manfaat teknologi maklumat kepada manusia ialah proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilakukan di alam maya sahaja. Selain itu, urusan perdagangan dan perbankan dapat diurus secara dalam talian. Perbezaan manfaat teknologi kepada manusia dalam Bahan 1 ialah teknologi maklumat mempermudah komunikasi dua hala sesama manusia dan potensi pasaran lebih berbentuk global. Manakala Bahan 2 pula menyatakan sebarang maklumat dapat diperolehi melalui Internet dan jualan produk dapat dihebahkan di laman web sahaja.

- (iii) Penggunaan teknologi maklumat banyak memberikan kelebihan dalam pelbagai bidang. Namun begitu, terdapat kesan buruk jika kemudahan ini tidak digunakan dengan sebaik-baiknya.

Pada pendapat anda, apakah kesan buruk daripada aktiviti penyalahgunaan teknologi maklumat?

[3 markah]

Pada pendapat saya, kesan buruk daripada aktiviti penyalahgunaan teknologi maklumat akan menyebabkan penyebaran fitnah dan berita palsu secara berleluasa di media sosial. Selain itu, peningkatan jenayah siber dan penipuan melalui media sosial semakin bertambah. Seterusnya, penyebaran bahan-bahan negatif seperti video pornografi atau video yang berunsurkan keganasan semakin berleluasa.

- (iv) Ibu saudara anda telah menjalankan perniagaan membuat keropok berasaskan makanan laut selama 15 tahun. Beliau hanya menghasilkan produk makanan tersebut secara manual dan menjualnya di sekitar kawasan tempat tinggalnya sahaja.

Sebagai generasi era sains dan teknologi, apakah cadangan yang dapat anda kemukakan kepada ibu saudara anda untuk merencanakan perniagaan keropoknya lagi?

[4 markah]

Sebagai generasi era sains dan teknologi, cadangan yang dapat saya kemukakan kepada ibu saudara saya untuk merencanakan perniagaan keropoknya ialah menggunakan peralatan moden dan canggih untuk mempercepat dan meningkatkan kualiti pengeluaran keropok. Saya juga meminta ibu saudara mengiklankan jualan keropok di media sosial supaya dikenali ramai. Saya juga meminta ibu saudara meluaskan target jualan keropok ke seluruh negeri melalui agen-agen jualan yang berminat agar perniagaan keropok dapat dikembangkan.

SOALAN 7: PEMAHAMAN PETIKAN SASTERA

(i)	berikan maksud
(ii)	soalan berdasarkan petikan
(iii)	soalan KBAT
(iv)	soalan penyelesaian masalah

Baca **Bahan 1**, **Bahan 2** dan **Bahan 3** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Aku Membaca Lagi

Aku mendongak langit
membaca garis dan titik
menaakuli kebesaran-Mu
di bawahnya gumpalan mega
hembusan bayu dan banjaran gunung.

Kuselurusi alam
kicauan burung
desiran ombak dan wajah pelangi
mewamai kehidupan umat-Mu.

Aku mendongak lagi
membaca langit
Istanbul
di dalamnya pohon-pohon kayan rapuh
dahan dan ranting terkulai
daun-daun berguguran
helai demi helai
di lantai tanah airku yang makmur.

Aku membaca langit
kutemui
bulan dan bintang menangis
meratapi luka nasib bangsa.

Aku mendongak lagi
menitis air mata langit
membasahi bahasa Melayu
yang berdarah.

Razali Mohd Yusof
Antologi Jacket Kulit Kijang dari

Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

Minggu-minggu pertama saya berada di kota mewah ini, dapat saya saksikan kerapuhan jiwa anak-anak muda sebangsa saya. Mereka dihanyutkan keseronokan hidup dengan *memperdagangkan maruah* dan peribadi. Saya berasa jelik dan aib menyaksikan adegan sumbang wajah-wajah anak muda peribumi tanah air ini yang tidak segan silu menjual bahasa ibunda dan merosakkan agama yang murni. Anak-anak muda lelaki perempuan berpelesiran dalam pergaulan bebas sambil bercakap dalam bahasa yang entah apa-apa. Mereka bergelak tawa dalam loghat yang direka-reka konon untuk menunjukkan kemodenan. Saya jadi keliru dengan setiap patah slanga dan klausa yang tidak saya faham. Ada yang menggunakan pelbagai istilah rojak yang dicampuradukkan dengan bahasa asing yang mengelirukan. Saya jadi buntu. Malah berasa malu dengan sikap dan gelagat anak-anak muda sebangsa saya yang telah hilang identiti dan jati diri negara mewah ini.

Dipetik daripada cerpen ‘Munysi’
Oleh Husna Nazri,
Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 3

Pantun Lapan Kerat

Lengkang-lengkung apa dipaku,
Paku jatuh patah dua,
Menjadi riuh orang di darat,
Anak Cik Itam jatuh jalar;

Bumi kandungan nenek moyangku,
Kerana lalai rosak binasa,
Kebudayaan Timur dinodai Barat,
Bahasa ibunda hina terbiar.

Diselenggarakan oleh Harun Mat Piah
antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

- (i) Berdasarkan Bahan 2, berikan maksud *memperdagangkan maruah*. [2 markah]

Berdasarkan Bahan 2, maksud *memperdagangkan maruah* ialah menjual harga diri.

- (ii) Berdasarkan Bahan 1, Bahan 2 dan Bahan 3, nyatakan isu-isu berkaitan dengan bahasa Melayu yang perlu diambil tindakan untuk menjaga kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di negara kita sendiri. [4 markah]

Berdasarkan Bahan 1, isu-isu berkaitan dengan bahasa Melayu yang perlu diambil tindakan ialah isu bahasa Melayu yang dipinggirkan oleh anak bangsa sendiri dengan alasan hendak mengejar kemajuan. Seterusnya, Bahan 2 ada mengatakan isu anak muda yang tidak segan silu menjual bahasa ibunda dan isu penggunaan bahasa rojak yang dicampuradukkan dengan bahasa asing. Bahan 3 pula menyatakan isu bahasa Melayu dibiarkan oleh bangsa sendiri kerana dipengaruhi oleh kebudayaan Barat.

- (iii) Pelbagai aktiviti dan program dijalankan oleh kerajaan bersempena dengan sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan. Pada pendapat anda, apakah tujuan-tujuan aktiviti ini diadakan? [3 markah]

Pada pendapat saya, antara tujuan aktiviti dan program dijalankan oleh kerajaan bersempena dengan sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan termasuklah untuk mengenang dan menghargai jasa pejuang bahasa Melayu serta memupuk perpaduan melalui penggunaan bahasa kebangsaan, iaitu Bahasa Melayu. Selain itu, aktiviti dan program itu juga bertujuan untuk menanamkan kesedaran kepada generasi kini tentang kepentingan memartabatkan dan mencintai bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

- (iv) Sebahagian rakan di kelas anda sangat teruja untuk menyertai pertandingan kebahasaan di sekolah anda. Segelintir rakan kelas anda pula kurang berminat. Sebagai ketua kelas, bagaimanakah anda dapat membantu untuk mengatasi masalah ini? [4 markah]

Sebagai ketua kelas, tindakan yang akan saya ambil untuk mengatasi masalah ini ialah saya akan menasihati dan memujuk mereka agar bersama-sama menjayakan program tersebut. Selain itu, saya akan memberitahu rakan sekelas saya tentang tujuan penglibatan murid untuk menjayakan program ini. Seterusnya, saya akan meminta bantuan daripada guru kelas untuk menasihati mereka agar seia sekata bagi menjayakan program.

SOALAN 8: NOVEL [10 MARKAH]

(i)	pemindahan maklumat berdasarkan petikan novel
(ii)	pemikiran kritis berdasarkan novel yang dikaji

“Apa khabar?” Rosman menghulurkan tangannya untuk bersalaman. Lelaki itu menyambut tangan Rosman dengan senyum lebar.

“Khabar baik, jemput masuk.” Dia mempersilakan mereka bertiga ke dalam.

Lelaki itu kemudiannya mempersilakan mereka untuk duduk di beberapa buah kerusi rotan yang disusun menyerong di ruang tamu.

Farisha dan Rosman memerhati sekeliling. Dinding ruang menunggu itu dihias dengan beberapa buah lukisan abstrak. Tiada pendingin hawa yang terpasang di situ tetapi udaranya nyaman, seperti ada bayu bukit yang menerobos masuk. Apabila mereka mendongak memerhati siling, jelas kelihatan rumah itu dipasang atap membran yang mampu membebaskan udara panas keluar dan menyejukkan ruang di dalam rumah. Farisha dan Rosman duduk bersandar manakala Aqram berdiri tegak di sebelah lelaki yang menyambut mereka tadi.

Dipetik daripada
Novel *Di Sebalik Dinara*,
Karya Dayang Noor
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Nyatakan gambaran rumah agam Karl seperti yang dilihat oleh Farisha dan Rosman. [4 markah]

Gambaran rumah agam Karl ialah terdapat _____

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) *Leftenan Adnan Wira Bangsa*, karya Abdul Latip Talib
- (b) *Di Sebalik Dinara*, karya Dayang Nor
- (c) *Jendela Menghadap Jalan*, karya Ruhaimi Matdarin
- (d) *Pantai Kasih*, karya Azmah Nordin
- (e) *Songket Bebenang Emas*, karya Khairudin Ayip
- (f) *Tirani*, karya Beb Sabariah
- (g) *Silir Daksina*, karya Nizar Parman
- (h) *Bimasakti Menari*, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Terdapat pelbagai peristiwa yang dipaparkan dalam sesebuah novel.

Huraikan dua peristiwa paling menarik dalam satu novel yang telah anda pelajari.

Mengapakah anda berpendapat demikian?

[6 markah]

JAWAPAN

Novel yang telah saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor. Terdapat beberapa peristiwa yang dianggap paling menarik dalam novel tersebut.

Peristiwa pertama yang dianggap menarik dalam novel ini ialah **peristiwa Aqram memberitahu Farisha tentang penyakitnya dan status Farisha sebagai adik angkatnya**. Peristiwa ini menarik perhatian saya kerana jelas memperlihatkan nilai kasih sayang dan keakraban hubungan mereka.

Peristiwa lain yang dianggap menarik dalam novel ini ialah **peristiwa Farisha tiba-tiba pengsan di pejabatnya**. Rosman dan Shida menziarahi Farisha di hospital untuk mengetahui perkembangan kesihatan Farisha. Peristiwa ini menarik perhatian saya kerana jelas menunjukkan nilai keprihatinan terhadap kesihatan rakan.

Peristiwa seterusnya yang dianggap menarik ialah **peristiwa Aqram menceritakan asal usulnya daripada manusia kepada cyborg kepada Farisha dan Azraai**. Peristiwa ini menarik perhatian saya kerana menimbulkan unsur kejutan. Aqram sebenarnya adik kandung Karl yang bernama Akeem. Dia terencat akal tetapi menjadi cyborg yang sempurna penampilannya.

Berdasarkan novel yang anda pelajari, jelaskan tiga peristiwa yang menunjukkan nilai kasih sayang

Novel yang saya pelajari ialah novel *Silir Daksina* karya Nizar Parman. Dalam novel ini, terdapat peristiwa yang boleh dikaitkan dengan nilai kasih sayang. Antaranya ialah Cikgu Nizam sering menatap potret wajah anaknya, Aiman pada setiap malam kerana rindu akan anaknya itu. Cikgu Nizam kadang kala menangis akibat terlalu rindu akan anaknya itu. **Peristiwa ini menunjukkan kasih sayang seorang bapa terhadap anak yang sudah lama tidak berjumpa.**

Selain itu, terdapat juga peristiwa Haiqal sanggup ke Johor seorang diri untuk menjejak peninggalan arwah Abdullah bin Kayan walaupun Haiqal tidak mengenali sesiapaun di sana. **Peristiwa ini menunjukkan kasih sayang seorang anak terhadap ayah yang sudah lama tidak berjumpa.**

Peristiwa seterusnya ialah peristiwa Umi tidak mengizinkan Haiqal pulang ke Johor untuk mencari warisan Abdullah bin Kayan. **Peristiwa ini menunjukkan kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya.**

Berdasarkan novel yang anda kaji, huraikan nilai kasih sayang yang terdapat dalam novel

Novel yang saya pelajari ialah novel Silir Daksina karya Nizar Parman. Dalam novel ini, terdapat beberapa nilai kasih sayang yang terdapat dalam novel. Antaranya ialah **kasih sayang bapa terhadap anak**. Contoh, Cikgu Nizam sering menatap potret wajah anaknya, Aiman pada setiap malam kerana rindu akan anaknya itu. Cikgu Nizam kadang kala menangis akibat terlalu rindu akan anaknya itu.

Kasih sayang anak terhadap bapa juga dipaparkan oleh pengarang dalam novel ini. Hal ini dapat dilihat melalui peristiwa Haiqal bertekad untuk pulang ke kampung arwah ayahnya di Batu Pahat Johor bagi menjejaki warisan ayahnya. Setelah membaca manuskrip tulisan ayahnya Abdullah bin Kayan, Haiqal berasa sedih mengenangkan nasib ayahnya yang hidup terseksa dan kesunyian.

Terdapat juga **kasih sayang ibu terhadap anak** dalam novel ini. Contoh, Umi tidak membenarkan Haiqal tinggal dengan ayahnya di Johor kerana dia tidak mahu berpisah dengan Haiqal. Umi juga tidak mahu Haiqal mengikuti jejak ayahnya dalam bidang sastera kerana baginya bidang sastera tidak mempunyai masa depan yang cerah sebaliknya mahu Haiqal mengambil alih perniagaan batik yang diusahakannya di Terengganu.

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji, jelaskan peristiwa yang berlaku dalam penamat novel.

Novel yang telah saya kaji di Tingkatan 5 ialah novel Silir Daksina karya Nizar Parman. Peristiwa yang berlaku dalam penamat novel adalah ketika hari persembahan, Lazim telah ditimpa kemalangan. Haiqal dan Ong See Hwa telah menarikan tarian zapin sehingga ada sebilangan penduduk kampung yang berasa terharu kerana terkenang akan arwah Abdullah bin Kayan.

Umi, walid dan Nurul Aisyah juga turut hadir untuk menyaksikan persembahan zapin tersebut. Umi juga telah ke kubur Abdullah bin Kayan dan Umi telah mengaku kesilapannya memisahkan Haiqal daripada bapa kandungnya kerana darahnya turut mengalir dalam tubuh Haiqal.

Setelah beberapa bulan di Kampung Seri Purnama, Haiqal melanjutkan pelajaran dalam bidang keguruan di sebuah universiti di Sarawak. Ratna pula telah bertunang dengan usahawan muda. Haiqal telah mengirim pesanan ringkas kepada Ong See Hwa bahawa dia akan berusaha menjejaki watak Ai Ling seperti yang diceritakan dalam manuskrip ayahnya.

SOALAN 9: RUMUSAN [30 MARKAH]

PANDUAN MENJAWAB RUMUSAN

1. PENDAHULUAN [1 AYAT]

- i. Kenal pasti fokus dalam 2 atau 3 bahan yang disertakan.
- ii. Menulis semua fokus soalan dalam 2 atau 3 bahan yang disertakan dalam perenggan pendahuluan

No	Fokus	Sinonim
1.	Punca-punca 原因	Faktor-faktor, sebab-sebab
2.	Cara -cara 方法	Langkah-langkah, usaha-usaha, alternatif, strategi, kaedah
3.	Kesan-kesan 后果	Implikasi, akibat
4.	Kebaikan 好处	Faedah, manfaat, keistimewaan, kepentingan
5.	Masalah 问题/ 阻碍	Kekangan, halangan, rintangan
6.	Tujuan 目的	Matlamat, objektif, kepentingan
7.	Peranan 角色	Tanggungjawab, tugas, fungsi
8.	Ciri-ciri 特征	Kriteria, sifat
9.	Simptom 征兆	Tanda-tanda, petanda
10.	Sumbangan 贡献	Jasa, bakti

Cara menulis pendahuluan 2 fokus

Rumusan membincangkan fokus 1 dan fokus 2.

[2 markah]

Cara menulis pendahuluan 3 fokus

Rumusan membincangkan fokus 1, fokus 2 dan fokus 3.

[2 markah]

2. ISI TERSURAT [8 ISI]
Dua Fokus

	Bilangan isi	Bilangan isi calon
Bil. Isi BAHAN 1		
Fokus 1: usaha	7 isi	5 isi
Fokus 2: peranan	3 isi	2 isi
Bil Isi BAHAN 2		
Fokus 1: usaha	3 isi	1 isi
	13 isi	8 isi

Tiga Fokus

	Bilangan isi	Bilangan isi calon
Bil. Isi BAHAN 1		
Fokus 1: langkah	6 isi	4 isi
Fokus 2: punca	3 isi	2 isi
Bil Isi BAHAN 2		
Fokus 1: langkah	3 isi	1 isi
Bil Isi BAHAN 3		
Fokus 3: kesan	2 isi	1 isi
	14 isi	8 isi

Cara menulis isi tersurat (8 isi) – Dua FOKUS

Usaha _____ ialah _____ (isi 1) _____.
 Selain itu, _____ (isi 2) _____. Di samping itu,
 _____ (isi 3) _____. Usaha lain ialah _____ (isi 4)
 _____. Seterusnya _____ (isi 5) _____.

Peranan _____ ialah _____ (isi 6) _____. Seterusnya
 _____ (isi 7) _____. Akhir sekali, _____ (isi 8) _____.

Cara menulis isi tersurat (8 isi) – Tiga FOKUS

Langkah _____ ialah _____ (isi 1) _____.
 Selain itu, _____ (isi 2) _____. Di samping itu,
 _____ (isi 3) _____. Seterusnya, _____ (isi 4) _____.
 Langkah seterusnya, _____ (isi 5) _____.

Punca _____ ialah _____ (isi 6) _____. Selain itu, _____ (isi
 7) _____. Manakala, kesan _____ ialah _____ (isi 8)
 _____.

3. Kesimpulan

Contoh format untuk ayat penutup/kesimpulan :

Kesimpulannya, A + B + C agar D
--

A	B	C (tema positif)	C (tema negatif)
kerajaan	hendaklah	mengamalkan	mengatasi
rakyat	perlulah	memajukan	menangani
semua pihak	mestilah	menggalakkan	membanteras
individu	haruslah	meningkatkan	mengelakkan
masyarakat	sepatutnya	memartabatkan	menjauhi

Kesimpulannya, _____ (谁 / 方面) **perlu./harus/mesti/sewajarnya** (应该) _____ (题目)
supaya/agar (以便) _____ (怎样)

INGAT!!! Perkataan yang dikira SATU perkataan (算一个字)

Bil	Perkataan	Contoh
1	Nama Khas	Sekolah Menengah Foon Yew
2	Angka	dua puluh peratus, 20%, 20 peratus
3	Kata Ganda	guru-guru, bukit-bukau
4	Tarikh	8 Oktober 2021
5	Kata depan "di" dan "ke"	di sekolah (1 Perkataan), ke pasar (1 Perkataan)
6	Gelaran	Datuk Seri Paduka Tunku Abdul Rahman

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1: Petikan

Menurut Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, golongan berpendapatan rendah yang kurang daripada RM5000 menjadi penyumbang utama kepada peningkatan pertumbuhan pinjaman tidak berbayar. Banyak kaedah sudah didedahkan kepada masyarakat untuk mengelakkan seseorang itu terjebak dalam kancang kemuflihan. Kita selalu diingatkan agar membayar setiap pembelian dalam bentuk tunai. Elakkan diri daripada menggunakan kad kredit. Membayar setiap pembelian dengan menggunakan kad kredit membuatkan diri tidak terasa mengeluarkan wang menyebabkan mereka semakin galak membeli.

Pada waktu yang sama, kita diingatkan agar tidak terpengaruh dengan iklan yang menawarkan sesuatu yang amat menarik kerana hal itu tidak semestinya benar. Pengeluar akan meyakinkan pembeli dengan iklan yang memikat menyebabkan khalayak terpesona. Selain itu, buatlah belanjawan ringkas dengan menyenaraikan semua komitmen atau hutang yang perlu dibayar pada setiap bulan. Belanjawan dapat memberikan gambaran kasar keperluan perbelanjaan pada bulan itu. Seterusnya kita dapat merancang barangan keperluan yang perlu dibeli.

Seiring dengan pertambahan usia diri dan anak-anak, keperluan akan bertambah dan wang yang ada di tangan terasa tidak cukup. Apabila ada jalan untuk menambahkan pendapatan, lakukanlah untuk memperoleh rezeki yang halal. Sebenarnya banyak cara untuk menambahkan pendapatan. Kita boleh berniaga secara dalam talian sebagai pendapatan sampingan kita. Oleh itu, kita tidak boleh malu untuk berniaga secara dalam talian. Kita juga boleh berniaga secara kecil-kecilan bagi menambahkan pendapatan sampingan. Jika kita mahu bebas daripada hutang, gaya hidup juga perlu seiring. Oleh itu, kita perlu berusaha berjimat dengan membeli barang terpakai. Biarlah orang mengata, asalkan kita selesa menggunakannya. Kita juga hendaklah bersyukur dengan sesuatu yang kita miliki untuk mengelakkan tabiat tidak elok seperti biar papa asal bergaya.

Dipetik dan diubah suai daripada
rencana “Gagal Rancang Kewangan, Tingkatkan Keberhutangan”,
oleh Syazwan Omar, *Dewan Masyarakat*, April 2020

Bahan 2 - Cerita

Mazlan tidak menjadikan kemiskinan keluarganya sebagai penghalang untuk dia berjaya. Kos pengajiannya di universiti amat banyak. Selain perlu membayar yuran pengajian, dia perlu membayar yuran kediaman, makanan dan barang keperluan kuliah. Pinjaman pendidikan memang tidak mencukupi namun dia tidak sanggup untuk meminta wang daripada ibu dan ayahnya.

“Kamu ada duit?” tanya ibunya menerusi telefon pintar.

“Ada. Ibu dan ayah jangan bimbang. Pinjaman yang saya dapat sudah mencukupi,” balas Mazlan berbohong kerana tidak mahu mereka berasa bimbang.

Bagi menampung pengajiannya, Mazlan terpaksa mencari duit tambahan dengan membantu rakannya berniaga di pasar tani. Walaupun upahnya tidak seberapa tetapi dia tetap bersyukur. Dia juga bekerja sebagai penghantar makanan pada waktu malam sekiranya tiada kelas dan selepas menyiapkan tugas kuliahnya. Dia menyukai kerja itu kerana dia berpeluang bertemu dengan ramai orang. Sesekali dia menjual barang terpakai terutamanya buku yang sudah tidak diperlukan oleh rakan-rakannya. Kadang-kadang dia menerima upah apabila membantu rakannya menyiapkan tugas kuliah. Dia melakukan apa-apa sahaja kerja yang halal dan tidak mengganggu pengajiannya.

GAGAL UNTUK BERSEDIA
BERMAKNA
BERSEDIA UNTUK GAGAL

Semoga Berjaya Dalam SPM 2021



Scan to join more INTI #SPMSureSkor Workshops.

INTI Education Counselling Centre Johor
No. 25, 25-01, Jalan Austin Heights 8/1, Taman Austin Heights,
81100 Johor Bahru, Johor
Tel. No.: 07 - 364 7537